

Bil. S 78

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA AGENSI PELABURAN BRUNEI (PINDAAN) (BIL. 2), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 5 dari S 4/84.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA AGENSI PELABURAN BRUNEI (PINDAAN) (BIL. 2), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Agensi Pelaburan Brunei (Pindaan) (Bil. 2), 2008.

Pindaan bab 5 dari S 4/84.

2. Bab 5 dari Perintah Darurat (Agensi Pelaburan Brunei), 1984 adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (2), dengan memasukkan ", Timbalan Pengerusi" sejurus selepas "Pengerusi" dalam baris pertama;

(b) dengan memasukkan ceraian baru yang berikut sejurus selepas ceraian (2) —

"(2A) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini kerana sakit, tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau kerana sebarang sebab lain apa pun, maka tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi."

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 21 haribulan Ogos, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM